

HONG LEONG AKAUN eDEPOSIT TETAP TERMA DAN SYARAT (“T&S”) ([English version](#))

Terma dan Syarat (“T&S”) Hong Leong Akaun eDeposit Tetap ini hendaklah dibaca secara keseluruhan bersama dengan [Terma dan Syarat Umum bagi Akaun](#), serta mana-mana terma dan syarat berkaitan yang mungkin dikenakan oleh Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) dari semasa ke semasa dengan memberi notis terdahulu sekurang-kurangnya **dua puluh satu (21)** hari, serta syarat dan peraturan lain yang mengikat HLB. Untuk peletakan promosi eDeposit Tetap, Terma dan Syarat Promosi eDeposit Tetap (yang berkenaan) akan digunakan sebagai tambahan kepada T&S ini.

1. Akaun eDeposit Tetap (“**Akaun eFD**”) adalah akaun deposit tetap yang membenarkan pembukaan akaun, peletakan dan pengeluaran deposit tetap yang dilaksanakan secara dalam talian melalui Perbankan Dalam Talian Hong Leong Connect dan Perbankan Mudah Alih Hong Leong Connect (“**HLB Connect**”).

KELAYAKAN

2. Akaun eFD terbuka kepada individu yang merupakan pemegang Akaun Semasa/Akaun Semasa-i atau Simpanan/Simpanan-i (“**CASA/CASA-i**”) dan telah mendaftar untuk HLB Connect (“**Pelanggan**”). Akaun eFD tidak tersedia untuk akaun bersama CASA/CASA-i.
3. Pemilikan Tunggal, Perkongsian Tidak Diperbadankan, Perkongsian Liabiliti Terhad, Badan Profesional, Kelab, Pertubuhan, Persatuan, Sekolah, Perbadanan, Organisasi Tidak Berasaskan Keuntungan dan entiti perniagaan yang lain **TIDAK** layak membuka atau mengendalikan Akaun eFD.

PEMBUKAAN AKAUN

4. Akaun eFD hanya boleh dibuka oleh Pelanggan melalui HLB Connect dan Akaun eFD akan dipautkan kepada akaun CASA/CASA-i pelanggan di mana peletakan deposit tetap dalam talian (“**eFD**”) yang dibuat kali pertama (“**CASA/CASA-i Diperuntukkan**”).
5. Peletakan gandaan eFD ke dalam Akaun eFD adalah dibenarkan. Walau bagaimanapun, peletakan hanya boleh dibuat melalui HLB Connect antara pukul 6:00 pagi sehingga 12:00 tengah malam, tujuh (7) hari seminggu, atau dalam waktu yang ditetapkan oleh HLB di HLB Connect. Untuk mengelakkan keraguan, peletakan eFD mesti dibuat selewat-lewatnya sebelum pukul 12:00 tengah malam agar peletakan diterima.
6. Peletakan eFD boleh dibuat dari mana-mana CASA/CASA-i Pelanggan dengan HLB yang aktif (“**Sumber CASA/CASA-i**”) atau melalui pemindahan dana dari bank lain melalui ‘Financial Process Exchange’ (“**FPX**”).
7. Peletakan bagi setiap eFD mesti dibuat bagi tempoh antara satu (1) bulan sehingga dua belas (12) bulan atau tempoh lain pada kadar faedah seperti yang dipaparkan dalam laman sesawang HLB di www.hlb.com.my (“**Laman Sesawang HLB**”) akan ditentukan oleh HLB pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal.
8. Akaun peletakan minimum eFD untuk tempoh satu (1) bulan adalah **Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000)** dan **Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500)** untuk eFD tempoh dua (2) bulan dan ke atas.

9. Amaun peletakan maksimum eFD bagi setiap transaksi ialah **Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Ribu (RM250,000)** atau seperti yang dinyatakan di dalam **Terma & Syarat Promosi eFD**, mengikut mana yang lebih rendah. Untuk peletakan melalui pemindahan FPX, amaun maksimum eFD bagi setiap transaksi ialah **Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000)** atau mengikut had Perbankan Internet individu Pelanggan yang diselenggarakan oleh bank berkenaan, mengikut mana yang lebih rendah.
10. Proses peletakan eFD mungkin mengambil masa sehingga **dua (2)** hari bekerja. Tarikh efektif peletakan eFD akan bermula selepas proses peletakan berjaya disempurnakan di mana Resit Transaksi HLB Connect yang mengandungi butiran urus niaga peletakan eFD, akan dikeluarkan dan diemel kepada Pelanggan. Resit Transaksi HLB Connect akan mengikat dan adalah bukti konklusif mengenai transaksi peletakan eFD yang berjaya. Tiada resit deposit tetap akan dikeluarkan kepada Pelanggan. HLB tidak akan dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab atas sebarang kerugian yang mungkin akan ditanggung oleh Pelanggan disebabkan masa yang diambil untuk memproses peletakan eFD.
11. Transaksi dalam Akaun eFD juga akan dipaparkan di dalam penyata akaun Sumber CASA/CASA-i.
12. eFD tidak boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan menjamin apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan kecuali untuk digunakan sebagai cagaran bagi menjamin Kad Kredit yang dikeluarkan oleh HLB. Sila rujuk kepada [Terma & Syarat Kad Kredit Dijamin dengan Deposit Tetap](#) untuk maklumat lanjut.

FAEDAH

13. Tiada faedah akan dibayar bagi amaun pengeluaran sebahagian dan pengeluaran pramatang eFD tanpa mengira bilangan bulan yang telah lengkap pada masa pengeluaran sebahagian/pramatang.
14. Faedah yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Dperuntukkan Pelanggan pada tarikh matang.

PENGELUARAN

15. Pengeluaran eFD hanya boleh dilakukan melalui HLB Connect dengan memberi kebenaran melalui 'AppAuthorise', suatu ciri keselamatan yang membenarkan bayaran dan/atau pemindahan dilakukan melalui HLB Connect.
16. Semasa pengeluaran eFD, amaun pokok eFD dan faedah yang diperolehi ke atasnya (jika ada), akan dikreditkan secara automatik ke dalam CASA/CASA-i Ditetapkan, seperti yang dipilih oleh Pelanggan semasa peletakan eFD.

PENGELUARAN SEBAHAGIAN

17. Pengeluaran sebahagian dalam gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** adalah dibenarkan sepanjang tempoh eFD, tertakluk pada baki **minimum Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000)** sahaja perlu dikekalkan dalam eFD sehingga tarikh matang eFD. HLB berhak meminda nilai atau kuantum pengeluaran dan / atau baki minimum yang perlu dikekalkan di bawahnya pada bila-bila masa dengan pemberian notis awal.
18. Faedah pada kadar ditetapkan akan terus dibayar atas baki yang masih ada dalam eFD dengan syarat eFD itu dikekalkan hingga tarikh matang.
19. Pengeluaran sebahagian eFD bagi baki kurang daripada **Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000)** ke bawah adalah tidak dibenarkan. Pengeluaran eFD sedemikian akan dianggap pengeluaran pramatang untuk keseluruhan eFD.

PEMBAHARUAN

20. Pelanggan hendaklah memilih arahan pembaharuan semasa peletakan setiap eFD melalui HLB Connect.
21. Jika ruang 'Auto Renewal' yang dipilih adalah 'Yes', peletakan akan diperbaharui secara automatik untuk tempoh yang sama pada kadar faedah semasa pada tarikh pembaharuan eFD yang matang tersebut.
22. Jika ruang 'Auto Renewal' yang dipilih adalah 'No', maka peletakan tidak akan diperbaharui secara automatik dan akan dikreditkan secara automatik ke dalam CASA/CASA-i Diperuntukkan pada tarikh matang eFD berkenaan.

UMUM

23. T&S di dalam ini, Terma & Syarat Umum bagi Akaun, Terma & Syarat Penggunaan HLB Connect dan terma & syarat yang berkaitan dengan Akaun CASA/CASA-i hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, maka T&S tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
24. HLB berhak pada bila-bila masa dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau mengubah mana-mana atau semua T&S yang terkandung di sini, sama ada menyiarkannya dalam Laman Sesawang HLB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB. Pelanggan bersetuju untuk mengakses Laman Sesawang HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak T&S dan sentiasa mengikuti perubahan atau pindaan kepada T&S.
25. T&S ini tertakluk pada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang eksklusif kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.
26. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

Ahli PIDM. eDeposit Tetap dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan T&S, sila e-mail kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my.